

PENGGUNAAN BACAAN BERULANG DAPAT MEMPERTINGKATKAN KELANCARAN DAN KEFAHAMAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH

Azizah bt Zain

University Pendidikan Sultan Idris
Fakulti Pendidikan Dan Pembangunan Manusia.
35900 Tanjong Malim, Perak.Malaysia
azizahkpt6043@yahoo.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan penggunaan bacaan berulang dalam mempertingkatkan kelancaran dan kefahaman dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Seramai 40 orang kanak-kanak-kanak prasekolah dari dua buah prasekolah Daerah Yan telah dipilih untuk dijadikan sampel dalam kajian eksperimen ini. Kanak-kanak dibahagikan secara rawak kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan rawatan. Ujian kelancaran dan kefahaman dijalankan dengan menggunakan Tahap Penilaian Kelancaran dan Tahap Penilaian Kefahaman dalam pra ujian dan pos ujian. Data dianalisis menggunakan statistik diskriptif, inferensi dan perbandingan min. Dapatan kajian menunjukkan kelancaran sampel dari kumpulan rawatan meningkat selepas menggunakan kaedah bacaan berulang. Penilaian Tahap Kefahaman kumpulan kawalan dan rawatan juga menunjukkan berlaku perbezaan peratus peningkatan dengan lebih peratus pada kumpulan rawatan. Analisis ujian t berpasangan menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara kumpulan kawalan dan rawatan pada pos ujian untuk Penilaian Tahap Kefahaman.

Kata kunci: bacaan berulang, kelancaran dan kefahaman, kanak-kanak prasekolah

Pengenalan

Membaca yang menjadi asas semua bidang pengetahuan amat penting bagi membolehkan seseorang itu memperolehi pendidikan sepanjang hayat. Sebahagian besar ilmu pengetahuan terdapat dalam bentuk tulisan. Kemahiran membaca adalah penting untuk dikuasai oleh setiap pelajar di peringkat awal lagi. Oleh itu minat membaca perlu dipupuk sejak dari awal lagi supaya terbina asas yang kukuh. Melalui asas yang kukuh ini dapat menimbulkan minat yang berterusan. Peringkat prasekolah merupakan peringkat yang sesuai untuk membina asas membaca. Pada peringkat ini, kemahiran asas ini perlu diberi penekanan supaya tidak timbul masalah kelemahan membaca apabila kanak-kanak ini memasuki alam persekolahan secara formal. Membaca juga merupakan tumpuan utama yang terkandung dalam Tunjang Komunikasi dalam Kurikulum Standard Prasekolah (2009).

Menyedari bahawa kepentingan penguasaan kemahiran membaca kepada kanak-kanak maka kemahiran ini perlu diajar di peringkat awal dengan menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai dengan kebolehan mereka. Antara langkah untuk menggalakkan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak bagi meningkatkan kelancaran dan kefahaman ialah menggunakan kaedah bacaan berulang. Menurut Musti-Roa, Hawkins dan Barkley (2009) bacaan berulang memerlukan pelajar membaca berulang kali petikan atau teks dalam jangkamasa tertentu atau sehingga pelajar tersebut lancar membaca. Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan tentang kaedah bacaan berulang. Antaranya ialah kajian oleh Rasinski (1990) yang membuktikan bacaan berulang adalah afektif dalam menggalakkan kelancaran dan kefahaman untuk mereka yang menghadapi masalah dalam membaca. Memandangkan kajian-kajian yang dijalankan membuktikan bacaan berulang memberi kesan kepada kefahaman maka adalah wajar kaedah ini dijadikan sebagai salah satu kaedah yang sesuai dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran membaca diperingkat awal di seluruh prasekolah di Malaysia.

Latarbelakang Kajian

Masalah penguasaan kemahiran membaca akan menyebabkan masalah keciciran pelajar dalam pelajaran. Berita tentang 163,835 orang murid tahun satu yang menghadapi masalah membaca dan menulis di Malaysia pada tahun 2006 membuktikan jumlah murid yang belum menguasai kemahiran ini berada dalam tahap membimbangkan. Mereka telah melalui ujian saringan dan keputusan ujian itu menunjukkan hanya 57.5 % sahaja yang berjaya melepasi ujian tersebut (The News Strait Times 23 September 2006). Para pengkaji dalam bidang bacaan berpendapat bahawa langkah yang paling ideal untuk mengatasi masalah kurang upaya dalam bacaan adalah pada peringkat tadika dan tahap 1 persekolahan. Langkah yang segera disarankan supaya kanak-kanak tidak terus bergelumbang dengan masalah menguasai kemahiran asas 3M. Pengajaran bacaan di peringkat prasekolah harus diberi penekanan kerana kanak-kanak dapat dibentuk dengan lebih mudah ketika usia yang lebih muda. Kajian ini menunjukkan bahawa keupayaan kanak-kanak menggarap ilmu adalah paling pesat di antara 0 hingga 5 tahun (Chiam Heng Keng 2000; Azizah, 2007).

Kelancaran dalam membaca merupakan salah satu aspek yang selalu diketepikan oleh sesetengah guru kerana mereka lebih mementingkan kebolehan pelajar menjawab soalan kefahaman dalam petikan yang dibaca. Pelajar yang lancar membaca sebenarnya boleh melaksanakan pelbagai tugas pada masa sama seperti pengecaman perkataan dan kefahaman (Block dan Israel, 2005). Menurut Block dan Israel lagi membaca cepat tanpa memahami teks yang dibaca merupakan satu usaha yang sia-sia.

Pernyataan Masalah

Masalah tidak boleh membaca di kalangan murid-murid sekolah rendah dan juga menengah di Malaysia amat membimbangkan semua pihak terutamanya para pendidik dan juga ibu bapa. Menurut berita yang disiarkan oleh Berita Harian (2009), Kementerian Pelajaran telah mengenal pasti kira-kira 85,000 murid tahun satu masih belum mampu membaca dan menulis. Masalah ini masih berlarutan apabila Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin (Utusan Malaysia, 15 Februari 2010) telah membuat

pendedahan 60 peratus pelajar tahap satu di sekolah seluruh negara masih belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Pendedahan ini bukan sahaja mengejut seluruh rakyat Malaysia malah ahli-ahli akademik juga. Mereka turut berharap satu tindakan yang serius dan komprehensif perlu diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Kebanyakan guru dan ibu bapa mementingkan kanak-kanak menguasai kemahiran membaca iaitu dapat mengenal abjad, membunyikan suku kata, membaca perkataan dan ayat mudah. Aspek dalam kelancaran membaca kurang diberi perhatian kerana mereka beranggapan kanak-kanak akan lancar membaca apabila kemahiran-kemahiran membaca telah dikuasai. Namun proses untuk mencapai kelancaran ini akan memakan masa sekiranya kurang diberi penekanan oleh guru. Terdapat kanak-kanak yang menguasai kemahiran membaca tetapi tidak boleh membaca dengan lancar. Ada kanak-kanak yang perlu mengeja untuk membaca perkataan dan ayat mudah. Apabila ini berlaku, kanak-kanak kurang berminat untuk membaca kerana kurang memahami apa yang dibaca oleh mereka. Kefahaman merupakan matlamat yang penting dalam membaca dan apabila salah satu komponen dalam kelancaran hilang, pembaca berkemungkinan kurang memperoleh makna daripada teks (Rasinski, 2006).

Dalam kajian ini kaedah bacaan berulang dipilih untuk melihat kesan penggunaannya dalam meningkatkan kelancaran dan kefahaman kanak-kanak prasekolah. Bacaan berulang merupakan pendekatan yang dikenalpasti untuk meningkatkan kelancaran kerana kaedah ini memberi peluang kepada kanak-kanak untuk berlatih membaca teks secara berulang-ulang sehingga mencapai kelancaran.

Objektif Kajian

1. Mengetahui tahap kelancaran dan kefahaman kanak-kanak prasekolah
2. Mengetahui sama ada bacaan berulang dapat membantu kefahaman kanak-kanak prasekolah.
3. Mengetahui kesan menggunakan kaedah bacaan berulang dalam meningkatkan kelancaran membaca kanak-kanak prasekolah


Persoalan kajian

1. Sejauh manakah tahap kelancaran membaca kanak-kanak prasekolah?
2. Sejauh manakah kaedah bacaan berulang dapat mempertingkatkan kelancaran membaca kanak-kanak prasekolah.
3. Adakah bacaan berulang membantu kefahaman di kalangan kanak-kanak prasekolah?

Kerangka Teori Kajian

Rajah 1 merupakan kerangka teori yang digunakan bagi kajian ini. Teori behavioris boleh dikaitkan dengan kaedah bacaan berulang kerana dalam kaedah bacaan berulang ini teori yang dipelopori oleh mazhab behavioris iaitu Teori Pelaziman Operan yang dimulakan oleh Edward Thorndike (1874-1949) dan B.F Skinner (1904-1990) adalah bersesuaian kerana ia menekankan kepada latihan yang berulang. Thorndike yang terkenal dengan teorinya ” *law of effect* ” menekankan jika tindak balas diikuti dengan keadaan yang

memuaskan, maka tindakan itu diulangi (Azizah, 2007). Kanak-kanak belajar selepas mereka didedahkan secara berulang-ulang kepada sesuatu rangsangan (Rohani, Nani dan Sharani, 2007). Dalam hal ini, membaca secara berulang-ulang sesuatu teks atau bahan bacaan akan membantu pelajar mengecam perkataan di samping mentaksirkan perkataan bercetak dan dapat mengelakkan bacaan terhenti ketika mereka membaca setelah melakukan bacaan tersebut secara berulang-ulang. Kelancaran merupakan tindakbalas yang diperolehi kesan daripada latihan yang berulang-ulang membaca perkataan atau teks. Sekiranya guru memberi pengukuhan yang positif, pelajar akan terus membaca secara berulang-ulang kerana mereka tahu kesan daripada bacaan berulang-ulang akan menyebabkan mereka dapat mengecam perkataan serta mengingati perkataan tersebut.



Rajah 1
Kerangka Teori Kajian

Metodologi

Populasi dan Sampel kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini adalah kajian Quasi Eksperimen berbentuk diskriptif dan inferensi, bertujuan untuk melihat kesan penggunaan bacaan berulang terhadap kelancaran dan kefahaman kanak-kanak prasekolah. Data diperolehi daripada sampel melalui pra ujian dan pos ujian yang dijalankan sebelum dan selepas kajian. Kajian ini telah dijalankan selama lapan minggu dengan menggunakan kaedah bacaan berulang terhadap kumpulan rawatan dengan menggunakan modul yang telah disediakan.

Dalam kajian ini populasi adalah terdiri daripada kanak-kanak prasekolah dari Daerah Yan, Kedah. Terdapat 28 buah prasekolah di dalam daerah ini dan dua buah prasekolah telah dipilih untuk menjadi sampel bagi kajian ini iaitu prasekolah Sekolah Kebangsaan Haji Kassim Jassin dan prasekolah Sekolah Kebangsaan Teroi Yan, Kedah. Seramai 40 orang kanak-kanak yang belajar di kedua-dua prasekolah ini terdiri daripada kanak-kanak berturutan Melayu yang berusia di antara lima hingga enam tahun. Kebanyakan kanak-kanak yang belajar di prasekolah ini merupakan orang tempatan yang datang dari kawasan sekitar sekolah tersebut dan mempunyai latar belakang yang sama dari segi sosial, ekonomi dan geografi. Pembahagian sampel adalah dibuat secara rawak untuk menentukan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Instrument Kajian

Instrument kajian yang digunakan ialah Ujian Penilaian tahap kelancaran dan Penilaian Tahap Kefahaman. Instrumen Penilaian Tahap Kelancaran ini dibina berdasarkan School Based Oral Assessment (SBOA) yang digunakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di seluruh sekolah rendah. Manakala instrument untuk menguji kefahaman ialah Penilaian Tahap Kefahaman dengan menggunakan soalan berbentuk struktur oleh Short dan Ryan (1984) iaitu *Generic Story Structure Questions*. Soalan struktur ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia oleh pengkaji untuk disesuaikan dengan kajian ini


Dapatan Kajian

Perbezaan kelancaran membaca bagi kumpulan kawalan dan rawatan dapat dilihat selepas eksperimen dijalankan selama 8 minggu dengan menggunakan kaedah bacaan berulang bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang hanya menggunakan kaedah biasa. Peningkatan peratus tahap kelancaran ini dapat dilihat selepas pengkaji menjalankan pos ujian bagi kedua-dua kumpulan. Jadual 4.3 menunjukkan peratus kelancaran untuk kumpulan kawalan dan rawatan.

Jadual 1
Peratus Kelancaran Kumpulan Kawalan dan Rawatan dalam Pos Ujian

Tahap Kelancaran	Kumpulan Kawalan %	Kumpulan Rawatan %
Tahap 1	20	0
Tahap 2	55	15
Tahap 3	20	65
Tahap 4	5	20
Jumlah	100	100

Jadual 1 menunjukkan peratus kelancaran untuk kumpulan kawalan dan rawatan dalam pos ujian. Peratus kelancaran kumpulan rawatan selepas pos ujian menunjukkan kebanyakan sampel berada di Tahap 3 iaitu 65% berbanding kumpulan kawalan 20%. Bagi kumpulan kawalan kebanyakan sampel berada di Tahap 2 iaitu 55% berbanding kumpulan rawatan 15%.



Carta 1
Perbezaan Peratus Peningkatan Penilaian Tahap Kefahaman

Graf pada carta 1 menunjukkan perbezaan peratus peningkatan untuk kumpulan kawalan dan rawatan bagi kelima-lima soalan yang dapat menjawab dengan betul. Dapatan analisis menunjukkan terdapat perbezaan peningkatan diantara kumpulan kawalan dan rawatan.. Peratus peningkatan yang paling tinggi bagi kumpulan rawatan ialah pada soalan 4 iaitu 40% begitu juga bagi kumpulan kawalan peratus peningkatan paling tinggi ialah pada soalan 4 iaitu 35%. Tiada peningkatan yang berlaku untuk kumpulan rawatan untuk soalan 5 dan peratus peningkatan yang paling kurang untuk kumpulan kawalan ialah pada soalan 2 iaitu 10%.

Untuk mengenalpasti perbezaan min Penilaian Tahap Kelancaran dalam pos ujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan, analisis ujian t dijalankan. Ujian t secara berpasangan bertujuan untuk melihat perbezaan yang signifikan terhadap kelancaran bagi kumpulan kawalan dan rawatan.

Jadual 2
Perbezaan Min Ujian Kelancaran bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan

	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	df	Sig (2 tailed)
Pos ujian(K)	-.10	1.07	-2.4	19	.022
Pos ujian(R)	.80	1.15			

Jadual 2 menunjukkan perbezaan min keseluruhan bagi ujian kelancaran pos ujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan. Analisis data menunjukkan skor min pos ujian kelancaran bagi kumpulan rawatan ($\underline{M}= .80$, $\underline{SD}=1.15$) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan skor min pos ujian kumpulan kawalan ($\underline{M}=-.10$, $\underline{SD}= .1.07$), $t(19)=-2.4$, $p=.022$.

Rumusan

Dapatan dalam kajian ini telah menunjukkan terdapatnya perubahan tahap kelancaran untuk kumpulan rawatan. selepas lapan minggu kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah bacaan berulang. Peningkatan ini menunjukkan kesan penggunaan bacaan berulang dalam mempertingkatkan kelancaran membaca. Penggunaan kaedah bacaan berulang dengan menggunakan aktiviti bacaan kuat, bacaan berirama, bacaan bergilir-gilir dan bacaan berpasangan menjadikan kaedah ini tidak membosankan kanak-kanak. Malah guru dan rakan yang membaca dengan lancar akan menjadi model kepada kanak-kanak lain untuk mempertingkatkan kelancaran mereka.

Membaca teks dengan kaedah bacaan berulang bukan sahaja meningkatkan kelancaran dan kefahaman tetapi juga membantu meyakinkan pembaca yang kurang lancar iaitu melalui latihan mereka boleh membaca dengan kadar, ketepatan dan ekspresi seperti pembaca yang lebih lancar. Oleh itu dalam kajian ini membuktikan kanak-kanak boleh membaca teks dengan lancar sekiranya mereka melakukan latihan membaca dengan cara yang betul.

Dapatan dalam kajian ini, menunjukkan tahap kefahaman kanak-kanak semakin meningkat. Ini berdasarkan dapatan daripada pos ujian yang dijalankan dengan menggunakan soalan yang sama semasa pra ujian. Walaupun kumpulan kawalan turut menunjukkan peningkatan namun peningkatan adalah lebih tinggi di kumpulan rawatan melalui ujian T. Kefahaman adalah penting dan merupakan faktor mengapa seseorang itu membaca seperti yang dinyatakan oleh Anderson (2004), kefahaman adalah memahami apa yang dibaca dan merupakan tujuan utama dalam membaca.

Cadangan

Membaca adalah satu kemahiran penting yang perlu diajar oleh semua guru di peringkat prasekolah dan juga sekolah rendah. Ini kerana membaca merupakan intipati dalam pembelajaran. Tanpa kemahiran asas ini, pembelajaran tidak dapat berlaku dengan sempurna. Kemahiran asas dalam bacaan bukan sahaja menguasai kemahiran mengenal abjad, mengeja suku kata dan membaca perkataan tetapi kemahiran ini perlu dipertingkatkan dengan penguasaan kelancaran dan kefahaman supaya proses membaca lebih berkesan.

Bacaan Berulang di bilik darjah

Adalah dicadangkan penggunaan bacaan berulang digunakan di dalam pengajaran membaca bagi membantu guru dalam meningkat kelancaran dan kefahaman di kalangan kanak-kanak prasekolah dan juga sekolah rendah di bilik darjah. Kebanyakan pelajar di peringkat sekolah rendah telah dianggap menguasai kemahiran membaca apabila mereka boleh membunyikan suku kata dan membaca ayat serta petikan. Walaupun pelajar sudah boleh membaca tetapi jika mereka masih tidak dapat membaca dengan lancar maka agak sukar.

Kefahaman juga merupakan kemahiran yang penting dalam proses membaca. Kefahaman boleh diajar diperingkat awal lagi dengan mengajar kemahiran kefahaman kepada kanak-kanak seperti membaca mengikut urutan dan bersoaljawab berdasarkan teks yang dibaca, strategi membuat ramalan dan meringkas. Strategi ini akan membantu kanak-kanak agar lebih memahami teks yang dibaca. Guru perlu membina kemahiran kefahaman supaya proses membaca memberi makna kepada pelajar.

Kajian-kajian Lanjutan

Memandang kajian tentang penggunaan bacaan berulang di negara kita Malaysia kurang dilakukan dikalangan penyelidik maka dicadangkan perlu diadakan kajian selanjutnya sama ada di peringkat prasekolah, rendah dan menengah bagi membuktikan kesan penggunaan kaedah ini dalam mempertingkatkan kelancaran dan kefahaman. Kajian-kajian yang akan dijalankan akan memberi kebaikan kepada pelajar sekiranya kaedah ini didapati berkesan dan sesuai digunakan untuk meningkatkan kelancaran dan kefahaman. Malah ia turut membantu guru-guru dalam mengatasi masalah membaca yang menjadi isu dalam pendidikan sekarang. Ini selaras dengan dasar kerajaan untuk memasukkan prasekolah ke dalam arus perdana seperti yang diumumkan oleh Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin (Berita Harian, 31 Mac 2010). Kemahiran membaca juga merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai seperti yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.

Latihan Kepada Pendidik

Cadangan seterusnya ialah pentingnya memberi pendedahan kepada guru-guru tentang kesan kaedah bacaan berulang sama ada kepada guru-guru prasekolah atau pun guru-guru sekolah rendah. Pendedahan ini juga boleh dilaksanakan diperingkat latihan perguruan agar mereka boleh memahami kebaikan kaedah bacaan berulang ini. Latihan dan pendedahan yang diberi akan memberi peluang kepada guru-guru pelatih untuk memahirkan diri sebelum mereka mengaplikasikan kaedah ini apabila mengajar nanti.

Kepentingan Gandingan Kelancaran dan Kefahaman

Kelancaran dan kefahaman mempunyai hubungan antara satu sama lain untuk menjadikan kemahiran membaca itu lebih berkesan. Kelancaran akan memudahkan kanak-kanak untuk memahami teks yang dibaca. Sehubungan itu, kedua-dua aspek ini perlu diberi perhatian dalam proses mengajar membaca kepada kanak-kanak. Beberapa kajian yang dijalankan telah menunjukkan kelancaran dapat membantu meningkat kefahaman. Antara kajian tersebut ialah kajian oleh O'Connor, White dan Swanson (2000), Freeland, Skinner dan Jackson,(2000) yang menunjukkan keberkesanan menggunakan kaedah bacaan berulang dalam meningkatkan kelancaran dan kefahaman. Oleh itu sewajarnya kedua-dua aspek kemahiran ini diberi perhatian dalam kurikulum membaca.

Penutup

Membaca adalah aktiviti berbahasa yang sangat penting dalam usaha membentuk pengaliran ilmu daripada bahan yang dibaca. Aktiviti ini memerlukan kemahiran yang khusus terutama dalam memastikan kefahaman pelajar terhadap bahan yang dibaca. Kefahaman dapat dicapai sekiranya pelajar dapat membaca dengan lancar dan tepat.

Membaca tanpa memahami makna tidak memberikan kepuasan dan tidak menepati matlamat membaca yang ditetapkan. Sebagai guru yang mengajar membaca, ciri utama yang perlu diberikan perhatian adalah meningkatkan keupayaan pemahaman ketika pelajar membaca bahan yang disediakan.

Rujukan

- Azizah Lebai Nordin. (2007). *Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Teori dan Amali* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Block, C.C & Israel, S.E. (2005). *Reading First And Beyond*. California: Corwin Press.
- Chiam Heng Keng. (2000). 12 Year School System: A Way To a Better Society In the New Century. *Masalah Pendidikan* Jilid 23, 45-56.
- Hampir 60% murid belum menguasai kemahiran asas (2010, Februari 14). *Utusan Malaysia Online*. Diperolehi Februari 15, 2010 daripada <http://www.utusan.com.my/> Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Prasekolah*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kerajaan sasar 85 peratus ikuti prasekolah pada 2012 (2009, September 12). *Berita Harian Online*. Diperolehi Januari 24, 2010 daripada <http://www.bharian.com.my/69000> Children Barely Read Or Write. (23 September 2006). *News Strait Times*.
- Musti-Roa, S., Hawkins, R.O., & Barkley, E.A. (2009). *Effects of Repeated Readings On The Oral Reading Fluency of Urban Fourth-Grade Students: Implications for Practice*. University of Cincinnati: University Research Council Faculty Research Support Program.
- Rasinski, T.V. (1990). Effect Of Repeat Reading and Listening-While-Reading on Reading Fluency. *Journal Of Educational Research* 83/3
- Rohani Abdullah, Nani Menon dan Mohd. Sharani Ahmad. (2007). *Panduan Kurikulum Prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Short, E. J. & Ryan, E. B. (1984). Metacognitive differences between skilled and less skilled readers: Remediating deficits through story grammar and attribution training. *Journal of Educational Psychology*, 76(2), 225-235.